

SAMBUTAN HARI KOPI SEDUNIA 2021 - PENGHARGAAN BUAT INDUSTRI TANAMAN KOPI



Putrajaya, 1 Oktober - Sempena Hari Kopi Sedunia yang disambut pada 1 Oktober setiap tahun, Jabatan Pertanian telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Kopi Tahun 2021 yang disempurnakan secara maya oleh YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan. Sambutan Hari Kopi Sedunia ini merupakan suatu bentuk penghargaan dan manifestasi rasa terima kasih kepada semua yang terlibat di sepanjang rangkaian pengeluaran kopi di seluruh dunia bermula daripada petani sehingga kepada penggemar kopi.

Industri tanaman kopi di Malaysia hari ini dilihat semakin berpotensi untuk diperkasa dan berkembang maju, bukan sahaja bagi memenuhi keperluan dalam negara malah mampu dieksport ke luar negara, sekaligus memperkenalkan kopi hasil keluaran negara kita ke seluruh dunia, selain meningkatkan pendapatan ekonomi melalui penjualan produk dan peluang perniagaan dalam rantaian nilainya.

Melangkah ke hadapan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Pertanian (DOA) akan terus komited memberi perhatian agar industri ini terus diperkukuh dan tidak ketinggalan, serta dapat seiring dengan perkembangan industri tanaman agromakanan yang lain seperti buah-buahan dan sayur-sayuran.

Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM4.5 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-12, bagi Projek Pembangunan Industri Tanaman Kopi yang antara lain, bertujuan untuk menyediakan infrastruktur dan fasiliti, pengendalian lepas tuai, pembekalan input-input pertanian, perolehan bahan dan peralatan kawalan perosak dan pemindahan teknologi. DOA juga akan memberi penekanan khusus untuk merangka inisiatif baharu bagi terus menggalakkan golongan muda dan usahawan tempatan untuk membangunkan industri tanaman kopi di Malaysia.